

15 DEC 1997

Sidang-Mula

SIDANG KEMUNCIAK TIDAK RASMI KEDUA ASEAN BERMULA HARI INI

KUALA LUMPUR, 15 Dis (Bernama) -- Sidang Kemuncak Tidak Rasmi Kedua Asean bermula di sini hari ini di tengah-tengah usaha mengatasi masalah kewangan dan ekonomi yang kini melanda rantau ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mempengerusikan sidang kemuncak itu yang diadakan di Hotel Palace of Golden Horses di sini.

Para pemimpin itu dijangka mengeluarkan satu kenyataan khas mengenai krisis kewangan dan dokumen Wawasan 2020 Asean yang menyediakan carta pertubuhan Asia Tenggara itu pada abad berikutnya.

Selain Presiden Indonesia, Suharto, yang dinasihatkan supaya mendapatkan rehat secukupnya, negara-negara Asean lain diwakili oleh ketua-ketua negara atau kerajaan masing-masing.

Mereka ialah Sultan Brunei Hassanah Bolkihah, Presiden Filipina Fidel Ramos, Perdana Menteri Singapura Goh Chok Tong, Perdana Menteri Thailand Chuan Leekpai, Perdana Menteri Vietnam Phan Van Khai, Perdana Menteri Laos Khamtay Siphandone, Pengerusi Ketenteraman dan Pembangunan Myanmar Than Shwe dan Menteri Luar Indonesia Ali Alatas mewakili Suharto.

Mesyuarat itu akan disusuli oleh majlis menandatangani dua dokumen iaitu Memorandum Persefahaman bagi menubuhkan Yayasan Asean oleh menteri-menteri luar Asean dan Protokol untuk Melaksanakan Pakej Permulaan Komitmen di bawah Perjanjian Rangkakerja Asean mengenai Perkhidmatan oleh menteri-menteri ekonomi.

Dr Mahathir juga akan melancarkan buku bergambar ulangtahun Asean bertajuk "Asean:One Region One Vision" (Asean:Satu Rantau Satu Wawasan) dan Pameran Seni Lukis Asean.

Kemudian, pada tengah harinya, Asean juga akan mengadakan sidang kemuncak pertama dengan China, Jepun dan Korea Selatan yang masing-masing diwakili oleh Presiden Jiang Zemin, Perdana Menteri Ryutaro Hashimoto dan Perdana Menteri Koh Kun.

Dr Mahathir dijadualkan mengadakan persidangan berita selepas setiap mesyuarat. -- BERNAMA

MAM NAK